

27 MAR 1997

Mahathir-Waseda

ASIA MESTI MENYUARAKAN PENDIRIANNYA, KATA MAHATHIR

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 27 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Asia mesti menyuarakan pendiriannya, tidak hanya menurut pendapat Eropah, untuk menikmati keamanan dan kemakmuran pada abad akan datang.

Beliau berkata, negara-negara Asia yang sedang muncul sehingga ini tidak dapat berbuat sesuatu secara berkesan mengenai hal ehwal ekonomi dan politik masing-masing, apatah lagi di peringkat dunia, dalam keadaan mereka yang berpecah dan tidak selaras.

"Kita hanya mengikut pendapat Eropah yang dominan tanpa mengira tentang kesilapan mereka pada masa dahulu dan tentang kemungkinan mereka membuat kesilapan lagi sekarang," kata beliau.

"Jika pada akhirnya semua sistem mereka, baik daripada segi politik dan ekonomi, terbukti salah, maka tentunya kita semualah yang terpaksa menanggungnya."

Dr Mahathir yang mengilhamkan forum Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), berkata demikian semasa bercakap mengenai "Masa Depan Asia dan Peranan Jepun: Cabaran Abad Ke-21 Kepada Belia" di Universiti Waseda.

Perdana Menteri tiba di sini Selasa lepas bagi lawatan rasmi empat hari ke Jepun.

Beliau berkata, kalangan ahli fikir Barat telah meramalkan pertembungan tamadun.

Tekanan terhadap China dan Asia Tenggara menimbulkan rasa tidak puas hati kerana ia menghalang pertumbuhan dan pembangunan negara-negara itu sementara kritikan terhadap rekod hak asasi manusia dan pencemaran alam sekitar yang dihubung-kait dengan perdagangan pula akan ditolak dengan keras.

Dr Mahathir berkata, ketegangan akan terus meningkat, ugutan dibuat dan kejadian tidak diinginkan akan mewarnai hubungan antara Timur dan Barat.

"Jika satu hari nanti ada orang yang melakukan sesuatu yang bodoh, maka segala usaha ekonomi pun akan digantikan dengan konfrontasi politik atau ketenteraan," kata beliau.

"Semua ini mungkin pesimistik bunyinya. Tetapi ia boleh menjadi kenyataan. Ia boleh berlaku kerana mereka yang boleh melakukan sesuatu untuk menghentikannya tidak mahu bertindak.

"Dan mereka itu ialah orang Asia, negara-negara Asia, khususnya Asia Timur."

Tetapi sehingga ini Asia tidak mahu melakukan sesuatu secara bersama dan tersusun kerana bimbang yang negara-negara Eropah di kedua-dua belah Atlantik mungkin tidak senang dengannya.

Dr Mahathir berkata, ini jalan yang salah dalam memastikan abad ke-21 sebagai abad yang aman dan gemilang.

"Negara Asia mesti bersedia bersempena dengan Eropah sekarang jika tidak mahu menghadapi konfrontasi dengan mereka di arena lain kemudian," kata Perdana Menteri.

Sambil menekankan yang beliau tidak bercakap mengenai konfrontasi ketenteraan, Dr Mahathir berkata Asia boleh membawa keseimbangan untuk mengurangkan penindasan.

Asia boleh menang hanya dengan menghujahkan pendirian mereka secara bersama untuk menangkis kecenderungan Eropah mengenakan sistem dan pendapat mereka terhadap dunia, katanya.

Dr Mahathir berkata, peranan Jepun adalah jelas memandangkan negara itu

merupakan yang paling maju di Asia.

Jepun, kata beliau, perlu memainkan peranan yang sepatutnya dalam hal ehwal dunia dan menjadi teladan baik kepada Asia dengan memberi perhatian kepada isu-isu yang menjadi kebimbangan bagi negara-negara Asia.

"Ia perlu berhenti daripada menganggap dirinya sebagai negara barat yang maju di Timur. Jepun mempunyai kewibawaan untuk menerajui, bukan ke arah dominasi Asia dalam abad Asia, tetapi ke arah masyarakat dunia yang lebih saksama dalam Abad Dunia yang sedang bermula," kata beliau.

Dr Mahathir berkata belia-belia abad ke-21 mesti menganggap diri mereka masing-masing sebagai warga dunia yang sebenar.

Mereka mesti melupakan soal warna, fahaman dan anggapan tinggi diri atau rendah diri, katanya. -- BERNAMA

SJ PR NMO